



ستياوسها كرايانو ترغكانو  
SETIAUSAHA KERAJAAN  
TERENGGANU

السلام عليكم.

SURAT KITA : SUK.TR.100/128 Jld.3-(35)  
BERTARIKH : 13 Zulhijjah 1435  
BERSAMAAN : 08 Oktober 2014

Semua Ketua Jabatan Negeri Terengganu

Tuan,

**PEKELILING PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN TERENGGANU BIL. 9 TAHUN 2014  
- URUSAN PERSARAAN PILIHAN SENDIRI SEKSYEN 12 AKTA PENCEN 227/1980**

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Kebelakangan ini, ada pegawai dan kakitangan yang telah membuat permohonan persaraan pilihan sendiri di bawah seksyen 12 Akta Pencen 227/1980 memohon untuk menanggungkan dan membatalkan kelulusan yang telah diluluskan oleh Pentadbiran Negeri. Berdasarkan Pekeliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Bil. 6 Tahun 1987 permohonan untuk menarik balik kelulusan tersebut tidak dapat dipertimbangkan.

3. Pada masa ini kaedah penghantaran dokumen pencen ke Jabatan Perkhidmatan Awam telahpun berbeza dimana ianya diurus sendiri oleh Jabatan masing-masing. Sehubungan dengan itu, bagi melicinkan urusan Pentadbiran dan mengelakkan kesan yang negatif kepada Ketua Jabatan dan Pentadbiran Negeri, Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai dan kakitangan tersebut betul-betul berhasrat untuk bersara di bawah seksyen 12 Akta Pencen 227/1980 sebelum permohonan diangkat untuk kelulusan Pentadbiran Negeri. Walau bagaimanapun, kelonggaran hanya akan diberi kepada mereka yang berhasrat untuk menarik balik permohonan dengan syarat penarikan tersebut adalah atas alasan yang munasabah.

4. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh dikeluarkan dan dengan ini Pekeliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Bil. 6 Tahun 1987 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

...2/-



- 2 -

**- MERAKYATKAN PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN -**

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menurut perintah,

  
**( DATO' HAJI MAZLAN BIN NGAH )**

s.k.

Semua Penolong Kanan Setiausaha Kerajaan  
(Pengurusan Sumber Manusia)  
Pejabat Setiausaha Kerajaan  
**TERENGGANU.**

Semua Penolong Pegawai Tadbir  
(Pengurusan Sumber Manusia)  
Pejabat Setiausaha Kerajaan  
**TERENGGANU.**

Semua Ketua Unit  
(Pengurusan Sumber Manusia)  
Pejabat Setiausaha Kerajaan  
**TERENGGANU.**

Bahagian Perpustakaan  
Pejabat Setiausaha Kerajaan  
**TERENGGANU.**

Fail Pekeliling.

Fail Timbul.